

**NILAI-NILAI ESTETIKA DIDALAM PEMBUATAN  
BARANGAN PEWTER**

**OLEH:**

**NOR AZIZAH YAACOB**

**95270843**

**Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Seni Lukis Dan Seni Reka, sebagai  
memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda  
Seni Lukis dan Seni Reka**

- 1. Diperiksa oleh: ..... tarikh ..... /2/4/99**
- 2. Diperiksa oleh: ..... tarikh .....**
- 3. Diperiksa oleh: ..... tarikh .....**

**Diluluskan oleh : ..... tarikh .....**

**Dekan,**

**Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka**

**Institut Teknologi MARA,**

**40450 Shah Alam**

**Selangor D. Ehsan**

## **Penghargaan**

*Saya bersyukur ke Hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnianya, maka akhirnya dapat menyiapkan penulisan tesis ini berpandukan kepada bimbingan dan sokongan daripada yang mengharap dan mendoakan kejayaan saya selama ini. Berbekalkan sedikit pengalaman dan pengetahuan dalam bidang ini maka dapat saya mempraktikan segala ilmu yang saya ada, Semoga penulisan yang berbentuk ilmiah ini akan mendatangkan faedah kepada saya dan juga para pelajar yang lain. Dan mudah-mudahan segala ilmu yang saya dan anda perolehi ini akan diberkati dan direstui oleh Allah s.w.t.*

*Diakhir kesempatan ini, saya ingin merakamkan kesempatan untuk mengucapkan penghargaan saya kepada ibu saya , dan bapa saya serta keluarga yang sanggup mengorbankan harta dan tenaga untuk saya selama berada di ITM ini.*

*Pengorbanan kalian akan kukenang hingga akhir hayat, hanya Tuhan sahaja yang dapat membalaunya.*

## SINOPSIS

### a) Tujuan

Penulisan tesis ini adalah merupakan suatu syarat untuk melengkapkan pengajaran akhir dalam peringkat ijazah yang diwajibkan kepada semua pelajar tahun akhir.

Ia bukan sahaja sebagai syarat khusus tetapi sebaliknya memberi peluang kepada para pelajar untuk menimba seberapa banyak ilmu pengetahuan berkenaan tajuk yang dipilih.

Tajuk tesis yang telah saya keutarakan merangkumi aspek utama dalam penggunaan bahan logam iaitu pewter. Dalam pengkajian ini, saya juga mengkaji akan spesifikasi pewter iaitu campuran-campuran yang terdapat didalamnya serta beberapa teknik pembuatan dan serta nilai-nilai estetika yang terdapat pada barang pewter.

Disamping itu, saya juga turut mengkaji akan kehadiran pewter di Malaysia, kajian saya termasuk juga teknik pembuatan pewter yang terawal di Malaysia serta reka bentuk dan kegunaannya yang tersendiri.

Kandungan	mukasurat
- Halaman Pemeriksa	
- Pemeriksa	
- Sinopsis	

## BAB 1

1.0 Pengenalan	1
1.1 Pewter	3
1.2 Sejarah Pewter didunia	5
1.3 Pewter di Malaysia	10

## BAB 2

2.0 Campuran Logam	13
2.1 Pateri Pewter	18
2.2 Teknik Memateri Pewter	19
2.3 Sifat-Sifat Pewter	20
2.4 Bagaimanakah Barang Pewter Dihasilkan Di Malaysia	22

## BAB 3

3.1 Konsep Dan Penggunaan Barang Pewter Didalam Kalangan Masyarakat.	26
---	----

## 1.0 PENGENALAN

Pewter adalah sejenis logam yang bermutu tinggi dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Pada suatu ketika dahulu logam ini pernah mempengaruhi ekonomi di Eropah sehingga ianya menjadi bahan kedua terpenting selepas pakaian. Kegunaannya tidak dapat dipertikaikan lagi maka dengan kesedaran inilah manusia mula mengambil inisiatif dengan menggunakan kreativiti dalam menghasilkan pelbagai jenis rekabentuk pewter, tidak kira sebagai barang yang digunakan sehari-hari maupun sebagai barang cenderahati.

Pada masa kini, pelbagai barang pewter dicipta mengikut peredaran zaman yang serba moden dan canggih ini. Barang pewter dikeluarkan secara besar-besaran iaitu dengan kaedah mass produktion ini untuk menampung permintaan terhadap barang pewter ini bukan setakat hanya didalam negeri sahaja, malah diluar negeri yang juga turut menyanjung ketulenan dan keaslian pewter yang terdapat di Malaysia.

Peminat-peminat barang pewter tidak hanya dapat memiliki barang pewter yang terdapat dipasaran, malah mereka juga boleh mengutarakan rekaan mereka secara peribadi di kilang-kilang dan hakcipta mereka akan dipelihara. Disinilah pengukir-pengukir pewter memainkan peranan yang amat penting untuk memenuhi permintaan terhadap peminat-peminat barang pewter. Rekaan-rekaan mereka selalunya mementingkan mutu kehalusan dan ketelitian terhadap